



# SIARAN MEDIA

## UNTUK SIARAN SEGERA

### PTPTN CATAT KEJAYAAN BMS 2024 KUTIPAN SIMPAN SSPN LEBIH 250 JUTA

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024 anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berlangsung mulai 26 September hingga 31 Oktober 2024 telah mencatat kejayaan dengan terimaan deposit Simpan SSPN berjumlah RM256.18 juta atau 116.45% berbanding sasaran awal sebanyak RM220 juta. Pencapaian ini mencerminkan kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia mengenai kepentingan membuat penabungan demi masa depan pendidikan tinggi anak-anak.
2. BMS merupakan inisiatif pemeraksanaan penabungan yang dipelopori oleh PTPTN sejak tahun 2018 bertujuan untuk memastikan setiap ibu bapa menjadi adiwira atau *superhero* kepada anak-anak dengan mempunyai perancangan kewangan. Tahun 2024 merupakan tahun ketujuh penganjuran BMS bersempena Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti dan pertandingan telah diadakan yang disertai oleh ibu bapa dan anak-anak dari pelbagai lapisan masyarakat.
3. Pengerusi PTPTN, Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Penganjuran BMS 2024 ini jelas menunjukkan bahawa PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam usaha memacu perancangan kewangan jangka panjang untuk tujuan pendidikan tinggi. Berdasarkan kejayaan kutipan deposit Simpan SSPN melalui BMS 2024 yang melebihi sasaran, jelas menunjukkan bahawa setiap usaha dan strategi yang dirangka mendapat sokongan padu masyarakat Malaysia. Hal ini membuktikan ibu bapa semakin cakna dengan pengurusan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak dalam melahirkan generasi modal insan yang berkualiti tinggi."

4. “Saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh masyarakat Malaysia di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan dalam membudayakan sikap menabung dengan memilih Simpan SSPN sebagai instrumen tabungan terbaik. PTPTN akan terus komited meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menabung di dalam Simpan SSPN bagi memastikan akses kepada pendidikan tinggi terjamin sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan,” tambah beliau lagi.

5. Simpan SSPN merupakan produk simpanan PTPTN yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat. Antaranya ialah pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan dijamin Kerajaan dan patuh syariah.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**18 November 2024**